

03 SEP 1999
APEC-Mahathir
DR MAHATHIR TAK HADIRI APEC

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak akan menghadiri sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik di New Zealand pada 12-13 Sept ini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Katanya ini disebabkan Perdana Menteri mempunyai atur cara sibuk dalam negeri dan bukannya bermaksud memperkecil-kecilkan APEC dan juga bukan berkaitan dengan pilihan raya atau kesihatannya.

"Keadaan kesihatan Dr Mahathir adalah baik. Beliau memberitahu saya Rabu lepas bahawa beliau mempunyai banyak perkara untuk diuruskan dan banyak ucapan untuk dibuat dalam negara," kata Syed Hamid ketika ditanya oleh pemberita selepas beliau menyerahkan sumbangan US\$100,000 daripada kerajaan Malaysia kepada duta Turki Koray Targay untuk membantu mangsa gempa bumi di negara itu.

Dr Mahathir dijadual meneruskan lawatannya ke seluruh negara dalam masa dua minggu ini dengan melawat Pahang, Wilayah Persekutuan, Selangor dan Sabah.

Syed Hamid berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan mewakili Perdana Menteri di sidang kemuncak untuk 21 ketua kerajaan anggota APEC.

Syed Hamid berkata Dr Mahathir akan berada di New York dari 25 hingga 29 Sept bagi menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu, disusuli dengan lawatan ke Zimbabwe dari 2 hingga 6 Okt untuk Dialog Antarabangsa Negara-negara Selatan Afrika.

Katanya keputusan Dr Mahathir untuk tidak hadir itu tidak seharusnya dilihat secara negatif.

"Beliau sekadar mahu memastikan beliau mendapat sedikit ruang untuk bernafas," katanya.

Syed Hamid juga berkata : "Memang baiklah timbalan beliau akan pergi. Malaysia akan mengambil bahagian dalam forum APEC, kita akan kemukakan pendapat kita."

Kepada satu soalan, Syed Hamid berkata Malaysia tidak melakukan sesuatu untuk menunjukkan bahawa APEC tidak lagi penting atau diperlukan.

"Ia memang wujud dan ia akan terus wujud," katanya.

Beliau berkata tindakan itu juga bukan satu pemulauan.

"Orang ramai tidak seharusnya membuat andaian lain selain beliau membatalkannya kerana beliau mempunyai banyak hal untuk diuruskan dalam negara," katanya.

Syed Hamid berkata Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore menghadiri sidang kemuncak APEC di sini tahun lepas menggantikan Presiden Bill Clinton tetapi negara itu tetap menganggap APEC sebagai penting.

Dr Mahathir pernah membayangkan beliau mungkin tidak menghadiri sidang kemuncak APEC di New Zealand itu.

"Sebenarnya, saya tidak mengharap sesuatu yang besar dari APEC. APEC telah membuktikan bahawa ia enggan mengambil langkah-langkah kukuh khususnya berhubung krisis kewangan.

"Saya tidak mengharap APEC akan mencapai sesuatu yang bermakna di New Zealand," kata perdana menteri.

-- BERNAMA

GM MAI

